

Menteri pertama bentang prestasi

53 inisiatif pembaharuan dilaksanakan pada tahun 2019

NOOR AZURA SAHRIL

KUALA LUMPUR

Kementerian Pendidikan (KPM) menjadi kementerian pertama membentangkan 'kad laporan' pencapaian bagi tahun 2019.

Pada sidang media semalam, menterinya, Dr Maszlee Malik membentangkan pencapaian dengan memberi tumpuan untuk mencapai lima fokus utama yang terkandung dalam 53 inisiatif pembaharuan sistem pendidikan negara.

Maszlee berkata, lima fokus tersebut ialah mengembalikan cinta ke dalam pendidikan, kualiti pengajaran dan pembelajaran, autonomi dan akauntabiliti, Malaysia membaca dan manifesto.

"Tumpuan terhadap lima fokus utama tersebut hanyalah permulaan dan masih banyak perlu dilakukan," katanya.

Menurutnya, tahun 2019 merupakan tahun permulaan kepada semua per-

ubahan dan beliau mahukan penetapan asas kukuh ke arah sistem pendidikan inklusif dan berkualiti tinggi.

"Menerusi fokus mengembalikan cinta kepada pendidikan, KPM berjaya menyediakan sebanyak 10,200 kelas untuk pelajar orang kurang upaya (OKU) di seluruh negara. Jumlah ini meningkat sebanyak 526 buah kelas daripada 9,674 kelas pada tahun lalu.

"Ini bermakna secara purata kita berjaya menambah sekurang-kurangnya dua kelas sehari sepanjang tahun," katanya ketika membentangkan pencapaian KPM 2019 bertemakan 'Pendidikan Untuk Semua' selepas Program Duta Guru Kementerian Pendidikan Malaysia-Yayasan Petronas di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPM, Datuk Dr Mohd Ghazali Abas.

Maszlee berkata, menerusi Program Sifar Murid Cicir, seramai 4,369 murid tercincir berjaya kembali ke sekolah.

"Di bawah zero reject policy pula, seramai 2,636 kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen berjaya mendaftar di sekolah di seluruh Malaysia," katanya.



Maszlee menunjukkan buku pencapaian Kementerian Pendidikan 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata, KPM turut berjaya menyiapkan 90 peratus projek sekolah daif iaitu sebanyak 452 daripada jumlah keseluruhan 534 buah sekolah daif telah beroperasi.

"Bagi reformasi Pendi-

dikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang diberi penekanan, kita berjaya mencapai 96.5 peratus tahap kebolehpasaran kerja graduan TVET.

"Seramai 54,789 dari 61,510 graduan TVET pula

telah mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian," katanya.

Maszlee berkata, hasil kejayaan yang dicapai melalui perubahan pelbagai perkara dapat dilihat setelah KPM bekerja keras le-

Di bawah 'zero reject policy' pula, seramai 2,636 kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen berjaya mendaftar di sekolah di seluruh Malaysia." - Maszlee

bih setahun lalu.

Berdasarkan laporan *Quacquarelli Symonds (QS) Ranking*, universiti tempatan meningkat dengan mendadak terutama dalam QS Asia di mana universiti awam meningkat secara drastik.

"Universiti Malaya (UM) meningkat dari kedudukan 19 ke 13. Universiti Putra Malaysia (UPM) dari 34 ke 33, Universiti Sains Malaysia (USM) pula dari 43 ke 37, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari 41 ke 39, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dari 47 ke 40 dan Universiti Teknologi Petronas UTP dari 99 ke 82," katanya.

Menyentuh mengenai fokus manifesto berhubung isu Pinjaman Pendidikan Tinggi Tabung Nasional (PTPTN), Maszlee berkata, pihaknya telah memansuhkan senarai hitam peminjam dan memberi pelepasan kepada peminjam bergaji bawah RM2,000.

"Bagi isu Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) pula, Pasukan Petugas Dasar telah ditubuhkan dan sehingga kini sebanyak 48 sesi libat urus melibatkan 406 orang telah dijalankan," katanya.

Maszlee bagaimanapun berkata, semua kejayaan yang dicapai adalah hasil usahasama warga KPM, pendidik dan rakyat Malaysia.

JOM SOLAT

SABTU • 14 DISEMBER 2019 • 17 RABIULAKHIR 1441H

Rapatkan Sif, Teluskan Niat, Tulus Beribadah

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:58	7:21	1:15	4:36	7:07	8:22
ALOR SETAR	5:58	7:21	1:15	4:36	7:07	8:22
PULAU PINANG	5:57	7:17	1:15	4:37	7:09	8:24
IPOH	5:53	7:13	1:13	4:36	7:08	8:23
KOTA BHARU	5:54	7:13	1:08	4:29	7:00	8:11
KUALA TERENGGANU	5:45	7:07	1:04	4:26	6:58	8:12
KUANTAN	5:42	7:04	1:05	4:28	7:02	8:17
KUALA LUMPUR + PUTRAJAYA	5:57	7:09	1:10	4:33	7:07	8:22
SHAH ALAM	5:57	7:08	1:10	4:33	7:07	8:22
SEREMBAN	5:45	7:07	1:09	4:32	7:07	8:22
BANDAR MELAKA	5:44	7:06	1:08	4:31	7:06	8:21
JOHOR BAHRU	5:37	6:59	1:02	4:26	7:01	8:16



Kedudukan ranking Universiti Malaya (UM) meningkat dari kedudukan ke-19 kepada ke-13 berdasarkan laporan QS Asia.